

**AMALAN PENGAJARAN PENDEKATAN BERTEMA DALAM KALANGAN  
PENDIDIK TASKA NCDRC: SATU KAJIAN KES****Thematic Approach Teaching Practices Among Kindergarten Educators: A Case Study  
in NCDRC****SITI NUR NADIRAH BINTI IBRAHIM**Universiti Selangor  
snnadirah86@unisel.edu.my**MASITAH BINTI MUSA**Universiti Selangor  
masitah@unisel.edu.my**NURUL JANNAH BINTI KAMARUDDIN**Universiti Selangor  
jannahdin@unisel.edu.my**NURUL ERRA HAZIQAH BINTI SHAMSUL**Universiti Selangor  
nerrahaziqah@gmail.com**MUS DELIFAH BINTI ABD MANAM**Universiti Selangor  
musdelifahabdmanam@gmail.com**Abstrak**

Amalan pengajaran pendekatan bertema dalam kalangan pendidik taska kurang mendapat sambutan. Hal ini kerana kebanyakan taska menggunakan kaedah pengajaran pendekatan belajar melalui bermain. Puncanya adalah pendidik taska itu sendiri tidak mempunyai kemahiran dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran pendekatan bertema. Oleh hal yang demikian, fokus kajian ini adalah bagi mengenal pasti amalan pengajaran pendekatan bertema dan cabaran yang dihadapi oleh pendidik taska dalam menggunakan pendekatan bertema ini. Instrumen soal selidik digunakan dalam kajian ini bagi mengenal pasti amalan pengajaran pendekatan bertema yang dijalankan oleh pendidik taska dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pendidik taska semasa menggunakan pendekatan bertema. Responden kajian ini terdiri daripada 44 orang pendidik dari taska di National Children's Data Centre System (NCDRC). Kajian ini dihuraikan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan pendidik taska NCDRC menggunakan pendekatan

bertema dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menghasilkan satu projek besar pada akhir pembelajaran pada hujung tahun. Pendidik taska NCDRC cenderung melihat minat kanak-kanak sebelum melaksanakan aktiviti pembelajaran. Hal ini kerana pembelajaran berdasarkan minat kanak-kanak akan mendatangkan hasil yang lebih berkesan kepada kanak-kanak dan pendidik itu sendiri.

***Kata Kunci:*** *Amalan Pengajaran, Pendekatan Bertema, Pendidik Taska*

### **Abstract**

The practice of thematic approach teaching among nursery educators has received little response. This is because most nurseries use a learning through play approach teaching method. The reason is that the nursery educators themselves do not have the skills in applying the teaching methods of the thematic approach. Therefore, the focus of this study is to identify the teaching practices of thematic approaches and the challenges faced by nursery educators in using this thematic approach. A questionnaire instrument was used in this study to identify the teaching practices of thematic approaches carried out by nursery educators and to identify the challenges faced by nursery educators when using thematic approaches. The respondents to this study consisted of 44 educators from nurseries in the National Children's Data Centre System (NCDRC). This study was described using quantitative methods. Based on the findings, it also shows that NCDRC nursery educators use a thematic approach in the teaching and learning process which results in a big project at the end of the year. NCDRC nursery educators tend to look at children's interests before implementing learning activities. This is because learning based on children's interests will bring more effective outcomes to children and the educators themselves.

***Keywords:*** *Teaching Practice, Thematic Approach, Nursery Educator*

## **PENGENALAN**

Peranan seorang pendidik adalah amat signifikan dalam perkembangan anak didik mereka. Hal ini demikian kerana pendidik berperanan sebagai tenaga pengajar, pemudah cara, serta fasilitator yang memainkan peranan penting di dalam bilik darjah. Penggunaan pendekatan bertema dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di taska merupakan kaedah yang sesuai kerana ia mengintegrasikan pelbagai mata pelajaran dan kemahiran di bawah satu tema yang sama. Amalan pengajaran yang berkesan oleh seorang pendidik membolehkan mereka menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif, di samping mampu mempelbagaikan kaedah pengajaran yang dapat menarik minat dan tumpuan anak didik.

Selain itu, pendidik yang efektif juga berupaya untuk menyampaikan isi pelajaran dengan lebih berkesan dan memahami keperluan pembelajaran murid-murid. Menurut Safiek Mokhlis (2019), guru prasekolah sebagai pelaksana kurikulum memegang peranan yang sangat penting dalam usaha memupuk dan merangsang kreativiti dalam kalangan kanak-kanak. Kreativiti dan inovasi amat diperlukan untuk melahirkan generasi murid berfikiran kelas pertama yang mampu bersaing dalam persekitaran abad ke-21. Ini jelas menunjukkan bahawa pendidik perlu bersiap siaga dari pelbagai aspek untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan berkebolehan, bermula dari peringkat prasekolah sehingga ke tahap pendidikan formal. Sehubungan dengan itu, kajian ini secara khususnya bertujuan untuk mengenalpasti amalan pengajaran pendekatan bertema dalam kalangan pendidik taska di Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak (NCDRC) dan mengenalpasti cabaran penggunaan pendekatan bertema dalam kalangan pendidik tersebut.

### **Permasalahan Kajian**

Pendekatan bertema bukanlah perkara baru bagi kebanyakan guru di Malaysia, terutamanya bagi guru-guru di dalam aliran bahasa. Dalam perspektif baru pembelajaran berasaskan tema ini, guru dikehendaki meningkatkan kaedah lama dengan memperbaiki strategi melalui integrasi pelbagai mata pelajaran dan disiplin ilmu (Rosmalily Salleh & Paizah Zakaria, 2023). Kebanyakan pendidik berpendapat bahawa aktiviti pembelajaran kanak-kanak di taska sekadar mengisi waktu kanak-kanak di taska walhal kanak-kanak di taska juga perlu mengikuti modul asuhan pertama yang mempunyai pelbagai aktiviti menarik yang boleh dijalankan bersama dengan kanak-kanak berdasarkan tahap kebolehan dan perkembangan mereka.

Dalam pengajaran pendekatan bertema pula, pendidik menghadapi masalah untuk menyediakan bahan bantu mengajar tersebut kerana kekangan masa, persekitaran kanak-kanak yang memerlukan layanan yang berlainan dan sebagainya. Hasil kajian oleh Nachiappan et al. (2018) menunjukkan bahawa tahap kepakaran guru prasekolah dalam memilih alat bantu mengajar adalah rendah, selain kurang berkemampuan melaksanakan pengajaran secara kreatif dan inovatif. Oleh itu, bagi memastikan pengajaran yang lebih berkesan kepada kanak-kanak prasekolah, guru disarankan untuk memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi kanak-kanak, merancang pendekatan yang sesuai dengan keperluan mereka, serta berusaha memperbaiki kelemahan dalam pelaksanaan pengajaran (Sia & Kamariah Abu Bakar, 2022).

### **Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pendidik khususnya dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan membudayakan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak melalui pengajaran bertema. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan menggunakan pengajaran pendekatan bertema, pembelajaran menjadi lebih terancang dan sistematik sekaligus dapat mempelbagaikan cara penyampaian sama seperti amalan pengajaran belajar sambil bermain. Di dalam pendekatan bertema juga, pendidik dapat menggabungkan

pelbagai kemahiran dan kebolehan kanak-kanak satu tema khas melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Selain itu, melalui kajian ini diharapkan agar guru dan pendidik di taska dapat mengenalpasti cabaran di dalam mengaplikasikan pendekatan bertema bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran di masa akan datang. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada pengamal pedagogi secara umum khususnya bagi pendidik-pendidik di taska mahupun di prasekolah.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah kerangka yang digunakan dalam sesebuah kajian bagi mengutip dan menganalisis data (Safiek Mokhlis, 2019). Ia adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metode kajian (Creswell, 2007). Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah pengumpulan data melalui edaran borang soal selidik. Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada 50 orang pendidik di Taska Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak (NCDRC). Pemilihan responden dibuat menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu soalan soal selidik adalah khusus disediakan kepada pendidik di Taska NCDRC sahaja. Soal selidik ini juga mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A untuk maklumat demografi dan bahagian B mengandungi 30 item yang menggunakan Skala Likert sebagai skala pengukuran. Teknik ini digunakan untuk mencapai objektif dan menjawab persoalan yang telah dibina.

Instrumen kajian ini terdiri dari dua bahagian sahaja iaitu bahagian A dan B. Bahagian A merupakan demografi yang berkaitan maklumat latar belakang responden, dan bahagian B berkaitan dengan kemahiran, penyampaian, penyediaan bahan bantu mengajar, cabaran persekitaran serta pelaksanaan pengajaran pendidik. Kesemua item dalam soal selidik dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) for windows version 26.0* untuk mendapatkan kekerapan (frekuensi) dan peratusan bagi setiap soalan kajian. Data kajian diwakilkan dalam bentuk jadual dan rajah serta dibuat tafsiran umum. Manakala analisis data dibuat dengan membandingkan peratusan tertinggi dan terendah serta nilai skor min dan skor piawai bagi setiap soalan kajian.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini menjelaskan hasil kajian pada Bahagian A dan Bahagian B.

**Jadual 1:** Maklumat Demografi Responden

Demografi	Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
<b>Responden Profil</b>			
Jantina	Lelaki	1	2.3
	Perempuan	43	97.7

Umur	20-24 Tahun	0	0
	25-30 Tahun	14	31.8
	31-35 Tahun	8	18.2
	36 Tahun ke atas	22	50.0

Berdasarkan Jadual 1 di atas, majoriti daripada responden adalah dalam kalangan pendidik perempuan dan memiliki pengalaman mengajar selama 10 tahun iaitu seramai 20 orang responden (45.5%). Akhir sekali, responden yang memiliki pengalaman bekerja selama 6 hingga 10 tahun adalah seramai 4 orang (9.1%). Selain itu, jadual menunjukkan seramai 21 orang responden mempunyai tahap Pendidikan Diploma iaitu (47.7%). Seterusnya, seramai 13 orang responden (29.5%) mempunyai tahap Pendidikan Sarjana Muda. Seramai 7 orang responden (15.9%) mempunyai tahap Pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala seramai 3 orang responden (6.8%) mempunyai tahap Pendidikan Sarjana.

**Jadual 2:** Kemahiran Pendidik Taska Dalam Menggunakan Pendekatan Bertema

NO	ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI	INTERPRETASI
B1.1	Pendidik mahir merancang aktiviti pengajaran mengikut tema yang bersesuaian	4.45	0.504	Tinggi
B1.2	Pendidik mahir menggabungkan pelbagai bidang kemahiran dalam suatu tema pengajaran	4.32	0.471	Tinggi
B1.3	Pendidik mahir menghubungkan tema pengajaran dengan konteks kehidupan seharian	4.34	0.479	Tinggi
B1.4	Pendidik mahir dalam memvariasikan perancangan pengajaran bertema	4.36	0.487	Tinggi
B1.5	Pendidik mahir menggunakan pendekatan bertema dalam proses pengajaran	4.39	0.493	Tinggi

Kesemua item menunjukkan min yang tinggi yang menggambarkan bahawa para pendidik dianggap sangat berkemahiran dalam aspek perancangan dan pelaksanaan pengajaran bertema. Item B1.1 dengan min 4.45 menunjukkan bahawa aspek perancangan aktiviti

pengajaran mengikut tema adalah paling dikuasai oleh pendidik berbanding item lain. Item B1.2 dengan min 4.32 adalah yang terendah di antara semua, walaupun ia masih berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa penggabungan pelbagai bidang kemahiran mungkin memerlukan sedikit penambahbaikan, tetapi secara keseluruhan ia masih dianggap baik. Menurut Yee dan Suziyani Mohamed (2021), guru kini bukan sahaja berperanan sebagai sumber utama memberi penerangan dan menyampaikan pengetahuan di dalam bilik darjah tetapi lebih berperanan sebagai pemudahcara.

**Jadual 3:** Penyampaian Pendidik Dalam Pengajaran Pendekatan Bertema

NO	ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI	INTERPRETASI
B2.1	Pendidik mampu menyampaikan konsep pengajaran dengan jelas	4.32	0.471	Tinggi
B2.2	Pendidik mampu menjelaskan tentang sesuatu tema beserta contoh yang sesuai	4.34	0.479	Tinggi
B2.3	Pendidik mampu menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi	4.34	0.479	Tinggi
B2.4	Pendidik menyampaikan konsep tentang sesuatu tema menggunakan bahan bantu mengajar dengan baik	4.30	0.509	Tinggi
B2.5	Pendidik mempelbagaikan cara penyampaian dalam pengajaran pendekatan bertema	4.34	0.526	Tinggi

Semua item menunjukkan purata min yang tinggi, iaitu melebihi 4.30. Ini menunjukkan tahap kepuasan yang sangat baik terhadap kebolehan pendidik dalam pelbagai aspek penyampaian pengajaran. Nilai min yang hampir seragam juga menggambarkan konsistensi prestasi di kalangan pendidik.

**Jadual 4:** Penyediaan Dan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

NO	ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI	INTERPRETASI
B3.1	Pendidik menghadapi kekangan masa dalam menyediakan bahan bantu mengajar	3.59	0.948	Sederhana
B3.2	Pendidik menghadapi halangan menggunakan bahan bantu mengajar mengikut tahap kebolehan kanak-kanak	3.09	0.960	Sederhana

B3.3	Pendidik mampu menyediakan bahan bantu mengajar yang merangkumi aspek perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh	3.89	0.868	Tinggi
B3.4	Pendidik mampu mengaitkan objektif pembelajaran dengan menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan tema yang ditetapkan	4.27	0.499	Tinggi
B3.5	Pendidik menghadapi kesukaran menyediakan bahan bantu mengajar mengikut kesesuaian tema	3.14	1.025	Sederhana

Dapatan di dalam Jadual 4 bagi item B 3.3 menunjukkan min sebanyak 3.89 yang menunjukkan prestasi yang tinggi penyediaan bahan bantu mengajar yang merangkumi aspek perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh. Ini menunjukkan bahawa persediaan pendidik memahami tahap perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan. Manakala B3.4 juga mencatatkan min sebanyak 4.27 yang menunjukkan bahawa prestasi yang tinggi dalam mengaitkan objektif pembelajaran dengan tema yang ditetapkan, secara tidak langsung menunjukkan kebolehan mereka menggunakan bahan mengikut konteks yang relevan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat cabaran dari segi fleksibiliti dan penyesuaian bahan pengajaran.

**Jadual 5:** Cabaran Dari Segi Persekitaran Menggunakan Pendekatan Bertema

NO	ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI	INTERPRETASI
B4.1	Pendidik menghadapi cabaran menyesuaikan tema yang digunakan dengan keadaan semasa	3.36	1.036	Sederhana
B4.2	Pendidik sukar menyesuaikan tema pengajaran mengikut peringkat umur kanak-kanak	3.07	1.021	Sederhana
B4.3	Pendidik menghadapi halangan ruang untuk menjalankan aktiviti bertema	3.18	1.040	Sederhana
B4.4	Persekitaran di taska selamat dan kondusif untuk digunakan dalam menjalankan aktiviti bertema	4.27	0.544	Tinggi
B4.5	Pendidik sukar mengawal keadaan kelas sewaktu mengajar	2.70	1.069	Sederhana

Dapatan bagi Jadual 5, B4.4 menunjukkan skor min yang tinggi iaitu sebanyak 4.27 dan sisihan piawai 0.544. Persekitaran di taska dinilai sangat baik dan kondusif, menunjukkan bahawa fasiliti atau ruang yang disediakan adalah selamat dan sesuai untuk aktiviti bertema. Manakala item-item selebihnya mencatatkan skor min yang sederhana bagi cabaran persekitaran semasa mengaplikasikan pendekatan bertema. Pendidik di Taska NCDRC tidak mempunyai kekangan yang ketara dari aspek persekitaran dan mampu menjadikan pengajaran bertema itu lebih menarik dengan menggunakan pelbagai bahan-bahan semulajadi yang ada di ruang taska tersebut. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Noor Azman Hanif et al. (2020) yang mendapati bahawa pengetahuan serta pengalaman guru yang lebih lama berkhidmat dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria, selamat, dan kreatif bersama kanak-kanak. Oleh itu, guru yang berpengalaman lebih cenderung memahami serta bijak menyesuaikan susun atur ruang dalam bilik darjah untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

**Jadual 6:** Pelaksanaan Pengajaran Melalui Pendekatan Bertema

NO	ITEM	MIN	SISIHAN PIAWAI	INTERPRETASI
B5.1	Pendidik mengaplikasikan kemahiran yang pelbagai dalam melakukan aktiviti bertema	4.20	0.408	Tinggi
B5.2	Pendidik kurang pendedahan tentang isu-isu semasa untuk dikaitkan dengan tema pengajaran	2.82	1.063	Sederhana
B5.3	Pendidik mampu menyesuaikan tema pengajaran dengan peringkat umur yang berbeza	4.16	0.479	Tinggi
B5.4	Pendidik mempunyai kekangan masa untuk mengajar mengikut sesuatu tema	3.20	1.047	Sederhana
B5.5	Pendidik mampu menarik perhatian kanak-kanak melalui tema yang dipilih	4.23	0.711	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan skor min yang tinggi bagi item B5.1, B5.3 dan B5.5. Pendidik menunjukkan kemahiran yang pelbagai dalam melaksanakan aktiviti bertema, menandakan keupayaan pendidik untuk mempelbagaikan strategi pengajaran. Dapatan juga menunjukkan pendidik berjaya menyesuaikan tema mengikut peringkat umur yang berbeza, fleksibel dalam pendekatan pengajaran, dan tema yang digunakan adalah menarik serta relevan bagi kanak-kanak.



## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai amalan pengajaran dan cabaran dalam menggunakan pendekatan bertema. Para pendidik secara amnya mahir dalam melaksanakan pendekatan bertema dalam pengajaran, dengan perancangan yang baik dan kemampuan untuk mengaitkan pengajaran dengan kehidupan seharian. Daripada hasil kajian juga menunjukkan bahawa amalan pengajaran pendekatan bertema yang digunakan adalah berkait rapat dengan pendekatan projek. Bell (2022) menyatakan bahawa pendekatan bertema sering mendorong kerjasama antara pendidik dengan kanak-kanak, lebih-lebih lagi dalam pembelajaran yang berdasarkan projek. Kanak-kanak dapat bekerjasama dengan pendidik untuk menyiasat, merancang dan membentangkan hasil-hasil projek yang berkaitan dengan tema tertentu di mana kita dapat lihat penglibatan aktif dari kanak-kanak dalam pembelajaran yang berorientasikan tindakan.

Penggunaan tema yang menarik dan relevan dapat mendorong kanak-kanak untuk terlibat dengan aktif dalam proses pembelajaran (Hidi & Renninger, 2020). Walaupun begitu, terdapat ruang untuk memperkasakan lagi aspek integrasi pelbagai kemahiran dalam satu tema. Kemahiran menyusun semula ledakan maklumat yang datang daripada pelbagai jenis sumber harus diperolehi oleh guru supaya maklumat tersebut dapat menjadikan sebagai maklumat yang berstruktur dengan tujuan pengajaran (Yee & Suziyani Mohamed, 2021). Menurut Darling-Hammond dan Richardson (2021), pendekatan bertema membolehkan pendidik untuk meningkatkan kurikulum yang lebih relevan di mana semasa pendidik menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran, pendidik akan mengintegrasikan pelbagai aspek dari pengetahuan dalam satu tema. Hal ini disokong oleh kajian Safiek Mokhlis (2021) yang mendapati bahawa dengan melakukan pengubahsuaian tertentu dalam pembelajaran, guru dapat mencipta pembelajaran yang lebih fleksibel sekaligus berupaya untuk menambah baik amalan pengajaran di kelas. Kanak-kanak juga secara tidak langsung lebih memahami sesuatu topik yang ingin disampaikan dengan jelas melalui pendekatan bertema lebih-lebih lagi bagi kanak-kanak prasekolah yang memerlukan gambaran yang luas bagi konsep pengajaran dan pembelajaran.

## Rujukan

- Bell, S. (Ed.). (2022). *Project-based learning for the 21st century: Skills for the future*. Routledge.
- Darling-Hammond, L., & Richardson, N. (Eds.). (2021). *The handbook of educational theories*. Routledge.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Sage Publications.
- Hidi, S. E & Renninger, K. A. (2021). Interest development, self-related information processing and practice. *Theory Into Practice*, 61(1), 23 - 34. <https://doi.org/10.1080/00405841.2021.1932159>.
- Nachiappan, S., Zaharah Osman, Nurulhuda Mad Hassan, Norly Jamil, Hashimah Hussein, Mastura Othman & Sandra Suffian. (2018). An analysis of the criteria and effectiveness of using teaching aids in preschool science and technology components in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 7(1), 63–82. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v7-i1/3902>.
- Noor Azman Hanif, Mazlina Che Mustafa & Hamidah Yusof. (2020). Kajian empat dimensi pengurusan bilik darjah kearah pembentukan model pengurusan bilik darjah prasekolah. *MJSSH Online*, 4(2), 119-136. DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/67>.

- Rosmalily Salleh & Paizah Zakaria. (2023). Thematic approach in teaching and learning of pupils with special educational needs in special education integration programmes and special education schools in Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 24, 233-249. <https://www.researchgate.net/publication/370471078>.
- Safiek Mokhlis. (2019). Pemupukan Kreativiti Kanak-Kanak: Kajian Kes Amalan Pengajaran Kreativiti di Sebuah Tadika Islam. *Malaysian Online Journal of Education.*, 3(1), 34-48. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v3i1.65>
- Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah: Satu tinjauan awal. *Borneo International Journal*, 4 (3), 9-18. <https://majmuah.com/journal/index.php/bij/article/view/97>
- Sia, S. P., & Kamariah Abu Bakar. (2022). Improving the addition of preschool children through the use of concrete and visual materials. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11, 103- 113. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.9.2022>
- Yee, C. L & Suziyani Mohamed. (2021). Kemahiran guru dalam mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran di prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 44-53. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpdp/article/view/13497>